

# Kritikan bekas PM bukan masalah bagi saya - Abdullah

# Dr. M bebas bersuara

Oleh MARHAINI KAIHARUDDIN  
dan JAMDI NASIR

**SANDAKAN** 8 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Tun Dr. Mahathir Mohamad bebas bercakap apa sahaja termasuk melemparkan kritikan pedas terhadap beliau kerana Malaysia adalah negara demokrasi.

Malah, kata Perdana Menteri, apa yang diperkatakan oleh Dr. Mahathir itu bukan satu masalah kepadanya kerana tumpuan beliau sekarang ialah untuk melaksanakan janji-janji manifesto Barisan Nasional (BN) selepas mendapat mandat rakyat pada pilihan raya umum lalu.

Tegasnya, beliau mahu memastikan semua janji itu dilaksanakan secara menyeluruh menerusi perancangan rapi supaya matlamat menjadikan Malaysia negara maju seperti yang termaktub dalam Wawasan 2020 tercapai.

"Tun (Dr. Mahathir) bebas nak cakap apa pun, bukan satu masalah kepada saya kerana kita ini negara demokrasi. Bagi saya, saya hendak berikan konsentrasi yang sepenuh-penuhnya sekarang iaitu memenuhi amanah yang diberikan rakyat kepada saya.

"Saya baru dua setengah tahun jadi Perdana Menteri, baru selesai siapkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang menjadi terjemahan janji manifesto dulu. Saya tak hendak menjalankan manifesto secara ad hoc, buat itu sikit... buat ini sikit.

## • Lagi reaksi - muka 4 dan 5

"Nanti orang kata apa Pak Lah ni... pasal apa buat lagu (macam) ni?" katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis penyerahan kunci Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Bersepadu Taman Mesra, Batu 4, di sini hari ini.

Abdullah mengulas kritikan terbaru Dr. Mahathir semalam yang dianggap paling keras setakat ini terhadap kerajaan dan dirinya termasuk dakwaan melanggar janji untuk meneruskan keputusan yang telah dibuat oleh pentadbiran yang dipimpinnnya sebelum ini.

Perdana Menteri dalam wajah ceria bagaimanapun mengelak daripada menyentuh apa yang diperkatakan oleh Dr. Mahathir, malah meminta pemberita supaya tidak memperincikannya.

Beliau berulang kali menegaskan bahawa tumpuannya kini ialah untuk memastikan pelaksanaan RMK-9 berjalan lancar.

Kata beliau: "Kalau rancangan (RMK-9) itu sudah siap, ia menjadi langkah pertama. Tetapi kita ada tiga langkah iaitu RMK-9 yang pertama, (diikuti) RMK-10 dan RMK-11 yang kita akan jayakan ketiga-tiganya dengan Misi Nasional melalui lima teras.

"Jadi di sini, pelaksanaan menjadi perkara yang penting."

Abdullah berkata, memandangkan aspek sistem penyampaian kerajaan sering diperkatakan dan diberi perhatian oleh banyak pihak ketika ini, beliau mahu sebarang kelemahan mengenainya diperbaiki dan diperbe-

## Dr. M bebas bersuara

tulkan.

"Orang bising (isu) ini. Jadi kita kena perbetul semua ini. Kalau itu yang menjadi perkara penting, maka tumpuan kena diberikan kepada (aspek ini) dalam ketiga-tiga RMK," katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa isu yang sama ditegaskan beliau dalam ucapannya sambil mengaitkannya dengan kepentingan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi mencapai kejayaan dalam apa yang telah dirancang dan dikenal pasti.

Ditanya adakah beliau terkejut dengan kritikan pedas Dr. Mahathir terhadapnya, Abdullah enggan mengulas dan dengan ketawa meminta pemberita menghentikan soalan berhubung isu itu.